

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD.
NASIR [JOHOR BAHRU]**

SOALAN NO. 72

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan: -

- (a) jumlah kekosongan penempatan pelajar yang terdapat dalam sektor Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS); dan
- (b) Inisiatif-inisiatif yang dijalankan oleh pihak IPTS bagi menggalakkan kemasukan pelajar daripada kumpulan 40 peratus terendah (B40).

JAWAPAN

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, institut pendidikan tinggi swasta (IPTS) bebas untuk membuat pengambilan pelajar bagi kursus pengajian yang telah mendapat kelulusan daripada Kementerian. Walau bagaimanapun, pihak IPTS perlu sentiasa menitikberatkan kualiti pendidikan dengan mengambil kira kapasiti premis dan juga nisbah pelajar dengan pensyarah agar pengajaran dan pembelajaran berkualiti dapat dilaksanakan. Namun bagi kursus pengajian yang mempunyai kuota pengambilan seperti kursus pengajian perubatan, pergigian, jururawat dan perundangan, IPTS perlu mematuhi kuota tersebut dan ianya dipantau oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan juga badan profesional atau Lembaga berkaitan seperti kuota pengambilan pelajar perubatan yang dipantau oleh Lembaga Perubatan Malaysia.

NO. SOALAN: 72

Pada tahun 2018 iaitu sebanyak 190,556 pengambilan dibuat di IPTS, manakala pada tahun 2017 pengambilan pelajar adalah seramai 227,315 orang. Ini menunjukkan bahawa pada tahun 2018 terdapat kekosongan atau kekurangan penempatan pelajar sebanyak 26,759 tempat di IPTS berbanding tahun 2017.

(b) Pelajar di IPT Malaysia mempunyai banyak saluran untuk mendapatkan bantuan kewangan lebih-lebih lagi pelajar dari kumpulan B40. Pelajar akan sentiasa dinasihati dan dibantu oleh pihak IPTS untuk mendapatkan penajaan atau bantuan kewangan yang disediakan. Antara bantuan kewangan yang boleh dipohon adalah dari:

1. Penajaan atau bantuan dari Kementerian, Jabatan atau Badan berkanun seperti dari Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Bank Negara Malaysia (BNM).
2. Yayasan Negeri seperti: Yayasan Wilayah Persekutuan, Yayasan Perak, Yayasan Pahang, Yayasan Kelantan Darulnaim dan Yayasan Biasiswa Sarawak Tunku Abdul Rahman;
3. Lembaga/Tabung Amanah Negeri seperti: Lembaga Biasiswa Negeri Kedah Darul Aman, Lembaga Tabung Amanah Pinjaman Penuntut Negeri Pulau Pinang, Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Selangor dan Tabung Amanah Negeri Melaka;
4. Yayasan/Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) seperti: Yayasan Khazah; Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera, Yayasan Universiti Teknologi Petronas; Yayasan Tenaga Nasional (YTN); Yayasan Telekom Malaysia (YTM), Yayasan Sime Darby dan Yayasan Bank Rakyat;
5. Syarikat Swasta seperti: Bank Pembangunan Islam, Yayasan Hong Leong, Yayasan Lion-parkson, Yayasan Cemerlang, Yayasan Kuok, *Great Eastern Life Insurance (Malaysia) Bhd (GELM)* dan *Malaysia Institute of Public Accountants (MICPA)*; dan

NO. SOALAN: 72

6. Bantuan yang diberi oleh IPTA dan IPTS itu sendiri.

Di samping itu, terdapat banyak inisiatif yang telah dilaksanakan oleh IPTS bagi membantu menggalakkan kemasukan pelajar daripada kumpulan 40 peratus terendah (B40) ke IPTS. Maklumat berkaitan penajaan dan bantuan kewangan ini terdapat di laman web rasmi IPTS berkaitan. Antara bantuan kewangan yang diberikan kepada golongan B40 adalah seperti berikut:

Bil	Universiti	Jenis Bantuan	Syarat
	Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR)	UTAR Education Foundation Scholarships/Loans <i>The purpose of the UTAR Education Foundation Scholarship/Loan is to provide financial assistance to deserving and needy students of the University.</i>	Tajaan atau pinjaman bergantung kepada kriteria dibawah: <ul style="list-style-type: none"> • Warganegara Malaysia • Pendapatan keluarga dan personal serta komitmen; • Keupayaan dan prestasi akademik; • Karektor dan penglibatan dalam aktiviti kokurikulum. • Mendapatkan kemasukan ke Universiti Tunku Abdul Rahman • Melanjutan pengajian ke program sepenuh masa.
	Multimedia Universiti	Program Dermasiswa B40	Syarat Umum:

NO. SOALAN: 72

Bil	Universiti	Jenis Bantuan	Syarat
		<p>Program yang ditaja: Program Diploma di MMU dalam bidang Kejuruteraan, teknologi maklumat, perakaunan dan pentadbiran perniagaan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Warganegara Malaysia • Menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2018 kali pertama; • Umur belum mencapai 19 tahun pada tarikh permohonan (20 tahun bagi pelajar peralihan); • Ibu, bapa dan ahli keluarga tidak disenarai hitam oleh JPA atau sedang dalam tindakan undang-undang oleh pihak JPA; • mempunyai kesihatan yang baik; • Tidak menerima bantuan kewangan/tajaan dari mana-mana agensi untuk pengajian yang sama; dan • Pendapatan isi rumah ibu bapa/penjaga adalah RM 4,359.00 sebulan dan kebawah.
	<p>Management Science University (MSU)</p>	<p><i>Presidents Scholarship MSU's very own scholarship is one such scheme that has over the years benefited lots of students. This is an</i></p>	

NO. SOALAN: 72

Bil	Universiti	Jenis Bantuan	Syarat
		<i>award given to students who exhibit exemplary academic achievements and come from an economically challenged background</i>	
	DRB HICOM UNIVERSITY	<i>Full scholarship (scholarship.dhuautomat ive.edu.my)</i>	Kriteria <ul style="list-style-type: none">● SPM dengan mendapat 5A dan keatas● Pendapatan isi rumah kurang dari RM8000 sebulan.

Manakala di peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pula, IPTS diminta memberi potongan harga yuran sekurang-kurangnya sebanyak 30% bagi pelajar tempatan dalam golongan B40 dan M40. Ini memandangkan IPTS turut mempunyai tanggungjawab sosial untuk memberi akses pendidikan tinggi kepada semua golongan termasuk yang kurang berkemampuan. Arahan ini dikeluarkan melalui surat pekeliling Jabtan Pendidikan Tinggi (JPT) berujukan JPT/BPP(P)1000-752 Jld 3(28) bertarikh 1 April 2019.

RT06/72